

BAB KELIMA

BAB KELIMA

ULASAN, KESIMPULAN DAN SARANAN

PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan dibentangkan ulasan dan rumusan dapatan utama daripada kajian ini serta cadangan-cadangan yang boleh difikirkan bersama. Perbincangan adalah berlandaskan aspek kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam terhadap objektif perkahwinan Islam serta faktor-faktor yang mempengaruhi aspek tersebut. Di samping itu diuraikan juga beberapa aspek lain yang dikira berkaitan dengan persoalan kajian seperti anasir-anasir yang memusnahkan sistem perkahwinan Islam dan sebagainya serta keputusan daripada kajian-kajian lain bagi menguat dan menyokong keputusan yang dibuat. Kaji selidik ini adalah diharapkan dapat mewakili masyarakat Islam seluruhnya.

KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN MASYARAKAT TERHADAP OBJEKTIF PERKAHWINAN ISLAM

Kajian ini secara lansung telah membongkar tahap kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap objektif perkahwinan. Hal ini adalah penting kerana ianya menjadi faktor penentu ke arah kejayaan atau kegagalan sesebuah institusi kekeluargaan. Apa yang berlaku sekarang menunjukkan krisis rumahtangga berlarutan, masalah keruntuhan akhlak dan krisis moral semakin menjadi-jadi dan berbagai fenomena kekeluargaan terus muncul saban hari..

Malah institusi keluarga telah hilang peranannya sebagai sebuah institusi yang akan mencorakkan generasi akan datang berasaskan keimanan dan ketaqwaan. Campurtangan kerajaan sebagaimana pendedahan yang dibuat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Abdul Hamid Othman mengenai peningkatan krisis rumah tangga¹, membuktikan betapa seriusnya penyakit ini. Begitu juga dengan laporan yang dibuat oleh Pengarah LPPKN, Dr. Raj Abdul Karim mengenai masalah kekeluargaan dan gejala sosial yang berlaku² membuktikan perkara tersebut begitu gawat dalam masyarakat hari ini. Realiti yang berlaku di dalam masyarakat hari ini dapat dilihat melalui dapatan-dapatan yang diperolehi melalui kajian ini.

Secara umumnya kajian ini mendapati sebahagian daripada masyarakat telah memahami matlamat perkahwinan Islam dengan jumlah peratus yang mengatakan faham bagi setiap matlamat yang dikemukakan melebihi 80.0%. Namun begitu apabila penelitian dibuat terhadap peratus yang diperolehi berpandukan kepada teori *maqasid asy-syariah* menunjukkan masih ramai lagi umat Islam di dalam masyarakat hari ini tidak memahami matlamat asal perkahwinan dalam Islam iaitu untuk melahir dan mengekalkan zuriat yang beriman. Ini berdasarkan dapatan yang diperolehi bagi mereka yang menafikan matlamat tersebut mencapai 18.7%. Jumlah ini memberi angka yang agak besar memandangkan matlamat tersebut merupakan matlamat asal pensyariatan perkahwinan dalam Islam. Tanpa kefahaman ini sebuah perkahwinan yang berlaku tidak terbina di atas asas yang sebenar dan lebih bersifat tradisi bagi memenuhi tuntutan nafsu sahaja tanpa ada suatu penyusunan yang padu bagi

melahir dan membentuk sebuah jenerasi yang beriman. Sementara matlamat kedua difahami oleh hampir keseluruhan responden iaitu mencapai 91.3%. Keputusan ini memang tepat kerana nafsu adalah milik semua dan dirasai oleh setiap individu yang normal berbanding dengan kefahaman terhadap matlamat ketiga yang hanya mencapai 81.3%. Manakala hampir keseluruhan masyarakat memahami matlamat keempat iaitu untuk memperluas dan mengukuhkan ikatan kekeluargaan kerana penulis menganggap bahawa perkara ini telah menjadi suatu realiti di dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Melihat kepada dorongan utama perkahwinan responden, menjelaskan lagi keadaan kefahaman masyarakat terhadap perkahwinan. Dorongan keimanan tidak menjadi sebab utama perkahwinan setiap responden. Malah terdapat responden yang berkahwin kerana harta dan mengikut tradisi. Dalam pada itu keinginan untuk mendapat anak sebagai warisan zuriatnya dan untuk menjamin kestabilan hidup tidak ketinggalan menjadi faktor pendorong kepada perkahwinan mereka. Keadaan ini menunjukkan asas perkahwinan sebahagian daripada masyarakat masih bercampuraduk di antara kebenaran dan kebatilan.

Kesan daripada ketidakfahaman terhadap matlamat pertama tadi hanya sebahagian sahaja yang membuat perancangan bagi melahirkan zuriat yang baik dan beriman sama ada ianya dibuat sebelum atau selepas berkahwin. Ini ternyata kebenarannya apabila kita melihat jadual 11 iaitu perancangan sebelum berkahwin. Kebanyakan masyarakat tidak mengambil berat lagi panduan-panduan yang dikemukakan oleh Syara` dalam memilih pasangan sebagai langkah

permulaan menuju matlamat tersebut. Dalam soal pemilihan pasangan, Islam tidak membiarkan manusia bertindak sendirian. Islam telah meletakkan garis panduan khusus ke arah itu kerana ia mempunyai pertalian yang erat dengan faktor baka yang akan menentukan corak rumah tangga yang akan dibina. Namun begitu aspek keturunan, keagamaan dan akhlak tidak dijadikan neraca oleh hampir separuh daripada masyarakat dalam pemilihan jodoh. Sebaliknya harta dan kecantikan mendahului aspek keagamaan bagi sebahagian masyarakat. Anjuran Syara' supaya mengutamakan soal keagamaan ini bukan bererti tidak mahu memberi peluang kepada mereka yang tidak berpengetahuan agama mendirikan rumah tangga sebaliknya menjadi pendorong kepada setiap individu untuk mempelajari agama dan berakhhlak mulia sebagai persediaan untuk menjadi suami atau isteri bagi melayarkan bahtera perkahwinan berpandukan agama.

Seperkara yang ketara berlaku dalam masyarakat hari ini dan dibuktikan oleh kajian ini ialah ketidakperihatinan masyarakat dalam soal kesahihan akad perkahwinan. Kebanyakan masyarakat mementingkan soal lafaz akad sahaja sama ada sah atau tidak tanpa meneliti syarat-syarat lain yang menjadi rukun nikah samada wali atau saksi. Penelitian terhadap permasalahan ini amat penting dewasa ini, kerana perbuatan fasik berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Ketidak sempurnaan syarat wali dan saksi akan menjelaskan kesahihan akad perkahwinan yang akan melahirkan generasi yang rosak batin dan sukar untuk dibentuk peribadinya.

Penghayatan terhadap matlamat kedua agak selari dengan kefahaman bahawa menyempurnakan tuntutan nafsu adalah merupakan salah satu daripada matlamat perkahwinan. Oleh itu bolehlah disimpulkan bahawa mereka yang menafikan matlamat tersebut merupakan mereka yang tidak dapat menyempurnakan tuntutan nafsu melalui perkahwinan. Sikap individu adalah dijangka merupakan di antara puncanya. Ini terbukti terdapatnya responden yang pernah bergaduh dengan pasangan masing-masing disebabkan masalah seksual. Keadaan ini juga mendorong berlakunya gejala maksiat bagi memenuhi tuntutan nafsu. Suasana persekitaran hidup masyarakat di bandar-bandar besar terutama di Kuala Lumpur ini menggawatkan lagi keadaan ini.

Ini ternyata apabila lebih daripada separuh yang mengakui bahawa nafsu mereka masih lagi teransang apabila melihat sesuatu yang menghairahkan walaupun selepas berkahwin, apatah lagi mereka yang belum berkahwin. Akibat daripada kebebasan yang tiada batas dalam soal berpakaian, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, bersolek dan pengaruh media massa, kewujudan pusat-pusat hiburan dan pelacuran yang berlesen akan lebih mendorong kepada berlakunya seks bebas terutama bagi mereka yang tidak dapat menyempurnakan nafsu bersama suami atau isteri mereka dan tidak kurang juga yang terpengaruh dengan keadaan tersebut. Dokumen-dokumen yang diperolehi daripada DBKL menunjukkan pusat hiburan, lounge-karaoke di Kuala Lumpur berjumlah 122 buah, pusat permainan video sebanyak 83 buah, pub dan restoran sebanyak 45 buah, pub dan bar 34 buah, 17 buah diskò, kelab malam 10 buah dan sebuah pusat bowling³. Walau bagaimanapun menurut pandangan penulis, bilangan

sebenar pusat hiburan ini mungkin lebih besar daripada yang diperolehi kerana maklumat daripada DBKL ini tidak lengkap dan terkini. Kesemua ini seolah-olah memberi laluan yang mudah ke arah melakukan maksiat.

Walaupun peratus kefahaman terhadap matlamat ketiga agak rendah, namun dari segi peratus penghayatan terhadap matlamat tersebut menggambarkan pertautan hati dan kemesraan di antara suami isteri masih lagi teguh di dalam kebanyakan keluarga kerana hampir kesemua responden merasakan suami atau isteri merupakan orang yang sangat diperlukan dalam hidup dan terhasil ketenangan dan ketenteraman melalui perkahwinan serta bertekad untuk hidup selamanya dengan pasangan masing-masing. Ini menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat tidak menyedari bahawa perkara yang dirasainya itu merupakan salah satu matlamat perkawinan bagi tujuan mewujudkan kestabilan rohani dan jasmani yang akan menghasilkan ketenteraman dalam masyarakat. Tanpa kefahaman terhadap matlamat ini perasaan tersebut akan mudah luntur daripada individu bila wujud suasana yang menghalangi kerana apa yang dirasainya itu bukan berlaku diatas kesedarannya.

Namun begitu wujud juga pasangan yang menafikan perkara di atas yang secara tidak lansung menggambarkan kepada kita terdapat di dalam masyarakat, pasangan yang tidak dapat mengecapi nikmat perkahwinan ini. Ketiadaan perasaan tersebut di dalam diri setiap pasangan akan terlerailah ikatan kasih sayang di antara mereka yang merupakan unsur penting kepada kebahagiaan keluarga dan akan mewujudkan berbagai perasaan negatif di antara satu sama lain

sehingga sanggup menyakiti pasangan masing-masing. Hasilnya akan menjelaskan kebahagian dan kedamaian rumah tangga yang lama kelamaan akan membawa perpecahan. Kegagalan menghayati matlamat kedua mungkin menjadi salah satu puncanya. Kajian Salasiah Hanin Hamjah⁴ mengenai kebahagian mendapati terdapat responden yang mengakui kebahagian akan dikecapi apabila nafsu seksnya disempurnakan. Begitu juga dengan pernyataan yang dibuat oleh Penolong Pengarah Bahagian Nikah Cerai dan Rujuk JAWI, di mana perceraian yang berlaku banyak berpunca daripada masalah seksual walaupun ianya tidak dinyatakan dengan jelas oleh pasangan tersebut⁵. Manakala temubual yang dijalankan di antara penulis dengan Ustaz Abu Zaki bin Mohamad, Pendaftar Mahkamah Syariah⁶ juga merupakan salah satu sebab kenapa pasangan tidak dapat mengecapi nikmat perkahwinan tersebut. Beliau menyatakan di antara sebab terkini yang dikenal pasti oleh Mahkamah Syariah melalui perbicaraan yang dijalankan terhadap pasangan yang menuntut perceraian ialah suami ingin beristeri lain dan isteri pula ingin bersuami lain.

Mengikut tinjauan penulis keadaan ini terjadi hasil daripada berlaku percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan sama ada di tempat kerja atau di tempat-tempat awam yang membolehkan masing-masing berkenalan di antara satu sama lain sehingga merasakan pasangan masing-masing tidak lagi bersesuaian untuknya. Hakikat ini diperkuatkan lagi oleh kajian yang dibuat oleh Siti Norlina Mohamad mengenai perubahan nilai moral di kalangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kajian tersebut mendapati terdapat

responden yang mengaku pernah melakukan hubungan seks dengan suami atau isteri orang dan juga teman sepejabat⁷. Dengan itu sikap individu merupakan penentu dalam merealisasikan matlamat ini di samping tiada faktor sampingan yang akan melenyapkan perasaan tersebut.

Menyempurnakan tanggungjawab terhadap keluarga merupakan amanah daripada Allah yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Ianya merupakan di antara matlamat perkahwinan yang bertujuan menguruskan kehidupan berumahtangga bagi membentuk sebuah keluarga yang berpotensi ke arah kecemerlangan sama ada di dunia maupun akhirat. Tuntutan tersebut adalah bergantung kepada tanggungjawab yang dipegang sama ada sebagai suami atau isteri, ibubapa atau anak. Namun begitu perkara ini hanya disedari oleh sebahagian masyarakat sahaja sebagaimana yang ditunjukkan oleh jadual 13. Lebih daripada 1/5 responden yang melakukan tugas harian hanya secara kebetulan kerana ia berperanan sebagai suami atau isteri, ibubapa atau anak tanpa merasainya sebagai suatu amanah. Sikap ini menyebabkan mereka mudah melupai tanggungjawab atau bersikap lepas tangan apabila berlaku perkara yang menghalanginya. Sebab itulah ada di antara responden yang mengaku tidak mengetahui tanggungjawab-tanggungjawab yang diwajibkan ke atas mereka sedangkan perkara ini sepatutnya berada dalam pengetahuan mereka sebaik sahaja bercadang untuk mendirikan rumah tangga. Akibat tidak memahami hakikat ini serta tidak mengetahui tanggungjawab masing-masing telah berlaku pengabaian terhadap tanggungjawab yang wajib mereka lakukan. Kesannya berlaku

kepincangan dalam rumah tangga yang melibatkan semua pihak sama ada suami, isteri dan anak-anak.

Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga mereka yang mengetahui hakikat tanggungjawab ini tetapi cuai dalam menyempurnakannya. Ini berdasarkan peratus yang mengakui tidak memahami hakikat tanggungjawab adalah tidak seimbang dengan peratus yang tidak menyempurnakan sebahagian daripada tanggungjawab yang dikemukakan. Apabila sistem tanggungjawab di dalam keluarga ini tidak diuruskan secara sempurna, maka tidak akan terhasil suatu bentuk interaksi yang baik di antara anggota keluarga yang akan mengeruhkan kedamaian dan keharmonian masyarakat. Di antara sebab-sebab perceraian yang kerap berlaku sebagaimana yang dilaporkan oleh pihak JAWI yang telah dikemukakan dalam bab kedua adalah akibat daripada kecuaian pihak suami dan isteri menjalankan tanggungjawab masing-masing dan tidak wujudnya suatu bentuk interaksi yang baik di antara mereka. Untuk mengetahui dengan lebih jelas realiti yang berlaku dalam masyarakat hari ini perlu dilihat pelaksanaan tanggungjawab tersebut satu persatu.

Meneliti kepada pelaksanaan tanggungjawab suami terhadap isteri, telah berlaku pengabaian yang serius dalam soal keagamaan yang merupakan tugas suami yang penting bagi membentuk rumah tangga yang beriman. Tanggungjawab keagamaan ini termasuklah memberi pendidikan keagamaan terutama bagi isteri yang tidak berpengetahuan agama dalam berbagai bentuk samada mengajarnya atau menghantarnya ke tempat-tempat pengajian dan lain-lain lagi. Termasuk

dalam tanggungjawab keagamaan juga ialah memastikan setiap perkara wajib dilakukan oleh isteri iaitu perkara-perkara yang melibatkan fardu 'ain, rukun Iman dan rukun Islam. Apa yang ditunjukkan oleh jadual 13(a) mengiyakan keadaan yang berlaku di dalam masyarakat hari ini. Tidak hairanlah kita dapat lihat rata-rata wanita yang keluar rumah tanpa menutup aurat dan meninggalkan sembahyang dengan sewenang-wenangnya. Sebaliknya tanggungjawab yang berupa material iaitu memberi nafkah zahir yang berupa makanan,pakaian dan sebagainya lebih dipandang berat dan dilaksanakan oleh pihak suami. Begitu juga dengan nafkah batin kerana perkara-perkara tersebut merupakan suatu keperluan baginya. Tambahan pula, kecuaian dalam tanggungjawab ini boleh di dakwa oleh pihak isteri dan tindakan undang-undang akan di ambil oleh pihak Mahkamah Syariah jika sabit kesalahan berbanding dengan kecuaian dalam melaksanakan tanggungjawab keagamaan.

Bagi pihak isteri pula, masih ramai yang tidak mempunyai komitmen dalam memikul tanggungjawab yang wajib dilakukan terhadap suami mereka. Tidak ada sifat ketaatan yang padu terhadap suami menyebabkan hilangnya sifat amanah sehingga isteri merasa bebas untuk melakukan sesuatu termasuk keluar rumah tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada suami. Sikap isteri yang sebegini akan bertambah kronik sekiranya berpadu dengan suami yang tidak bertanggungjawab. Ia akan melahirkan rumah tangga yang kucar-kacir yang secara tidak lansung memberi kesan buruk kepada anak-anak dan keharmonian masyarakat. Walau bagaimanapun, para isteri ini masih menyedari dan

melaksanakan tugasnya di dalam rumah masing-masing kerana ia sudah menjadi adat setempat.

Melihat kepada tanggungjawab ibubapa terhadap anak pula, ramai di kalangan ibubapa yang hanya menyempurnakan tanggungjawab material dengan memberi makan dan minum serta pakaian. Sebaliknya mengabaikan tanggungjawab membentuk rohani anak-anak dan menanamkan unsur-unsur keagamaan. Ini terbukti ramai dikalangan ibubapa yang tidak menyambut kelahiran anak dengan azan dan iqamat sedangkan perkara tersebut merupakan tuntutan agama sebagai langkah awal bagi melindungi anak-anak daripada gangguan syaitan. Mungkin masyarakat hari ini menganggap perkara itu merupakan perkara yang remeh-temeh. Lebih dahsyat lagi terdapat di kalangan ibubapa yang tidak mengaqiqahkan anak mereka sedangkan aqiqah mempunyai kesan psikologi yang tersendiri dalam pembentukan jiwa anak-anak. Oleh itu anak-anak dibesarkan tanpa ada sebarang pelindung di dalam diri mereka daripada anasir-anasir yang akan merosakkan jiwa yang sememangnya terlalu banyak pada masa kini sama ada pengaruh melalui media massa, muzik, persekitaran dan sebagainya..

Kecuaian masyarakat yang agak ketara juga berlaku dalam memberi pendidikan keimanan. Pendidikan keimanan merupakan perkara utama bagi membentuk sahsiah muslim, sebab itulah ia perlu disemai semenjak kecil lagi tanpa mengharapkan pihak lain seperti sekolah dan sebagainya. Begitu juga dengan aspek pendidikan yang lain sama ada fardu 'ain dan akhlak. Ianya perlu

bermula di rumah. Ibubapa tidak seharusnya menyerahkan tanggungjawab pendidikan keagamaan tersebut kepada pihak lain terutamanya sekolah agar apa yang diperolehi dan dipelajari di tempat-tempat lain itu bukan merupakan perkara baru yang ditemuinya. Disebabkan kecuaian ibubapa ini, ramai murid-murid sekolah rendah yang tidak boleh membaca al-Quran sehingga dilaporkan mencapai 50%⁸. Tambahan pula sistem pendidikan hari ini, tidak mengutamakan pendidikan ke arah tersebut. Hanya ibubapa yang perihatin sahaja berusaha menghantar anak mereka ke Sekolah Agama yang dianjurkan Jabatan Agama di samping bersekolah di Sekolah Kebangsaan.

Kecuaian ibubapa menyemaikan benih-benih keimanan dan akhlak di dalam diri anak-anak semenjak kecil menyebabkan jiwanya kosong dan menyimpang jauh daripada landasan agama bahkan tuntutan agama terasa begitu asing bagi mereka. Hal ini terbukti daripada kajian Idris Awang terhadap remaja lepak yang terlibat dengan seks bebas mendapat lebih daripada separuh responden yang disoalselidik dan terlibat dengan gejala tersebut memberi tanggapan yang prejedis terhadap agama dengan mengatakan agama telah mengongkong kehidupan mereka⁹. Ini menunjukkan responden tersebut tidak memahami agama apatah lagi untuk menghayatinya. Ianya tidak akan berlaku sekiranya diberi kefahaman dan didikan yang sesuai tentang agama dan diasuh untuk mengamalkannya semenjak kecil lagi.. Mereka inilah di antara golongan yang buta agama kerana tidak ada pendidikan di peringkat awal.

Melihat kepada cara pendidikan anak-anak, menjelaskan lagi keadaan pelaksanaan tanggungjawab ini. Dapatan daripada jadual tersebut menunjukkan berlaku banyak kepincangan dalam cara mendidik anak-anak khususnya yang melibatkan tuntutan agama. Hampir separuh daripada masyarakat yang tidak melatih anak-anak mereka mengerjakan perkara-perkara wajib semenjak kecil. Kebiasaannya anak-anak mereka ini akan mula belajar apabila mereka sedar akan tanggungjawab mereka ini ataupun terus berkeadaan demikian walaupun sudah mencapai umur baligh. Lebih daripada separuh yang tidak memaksa anak-anak mereka yang telah baligh mengerjakan tuntutan agama. Apatah lagi dalam soal memukul anak-anak yang ingkar melakukan tuntutan tersebut. Menurut laporan daripada pihak JAWI, didapati 20% bakal pengantin yang ditemuduga tidak tahu mengucap, 75% tidak tahu membaca tahiyyat, 90% tidak tahu membaca qunut dan 10% tidak tahu jumlah rakaat sembahyang. Bagimanakah untuk melahirkan jenerasi yang beriman sekiranya bakal ibu dan bapa begini keadaannya.

Kesibukan dengan urusan duniai dan sikap tidak suka mengambil tahu setiap perkara yang dilakukan anak di luar rumah menyebabkan anak-anak merasa bebas untuk melakukan sebarang perkara apabila tidak dilihat oleh ibubapanya. Kajian¹⁰ di kalangan keluarga luar bandar serta beberapa kelompok keluarga bandar menunjukkan bahawa ibubapa kurang mengambil tahu mengenai kegiatan anak-anak mereka. Keadaan ini timbul kerana ibu terutamanya merasakan anak mereka boleh menjaga diri sendiri. Ibubapa memberi kebebasan yang banyak kepada anak-anak untuk menentukan aktiviti mereka. Ramai di kalangan ibubapa juga beranggapan bahawa anak mereka tidak akan terbabit dalam kegiatan yang

tidak sihat dan negatif. Sepatutnya ibubapa harus sedar bahawa pada zaman ini banyak faktor luaran boleh mempengaruhi anak mereka. Pada masa yang sama, anak-anak juga kerap mendapat nilai yang ditekankan oleh keluarga bertentangan dengan nilai yang diterima daripada iklan dan galakan jualan di pasaran. Begitu juga dengan bentuk pendidikan di antara anak lelaki dan perempuan hendaklah berbeza berdasarkan sifat semulajadi dan hukum-hukum yang berkaitan dengan mereka seperti dalam soal berpakaian, bentuk permainan dan sebagainya. Ada pun perbezaan dalam memberi kasih sayang di antara anak lelaki dan anak perempuan adalah dilarang. Ibubapa juga dikehendaki sentiasa melatih anak-anak mereka melakukan perkara yang baik dan sunat di sisi Islam seperti sifat suka bersedekah, menghormati orang lain dan sebagainya agar amalan tersebut sudah menjadi amalan mereka apabila besar kelak.

Namun begitu dapatan yang diperolehi melalui kajian ini menunjukkan perkara-perkara di atas tidak dihayati dan dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat dalam mendidik anak-anak. Cara pendidikan anak yang dikemukakan di atas hanya diamalkan oleh sebahagian masyarakat sahaja. Tambahan pula ramai di kalangan anak-anak melalui perkembangan hidup mereka dengan bimbingan daripada ibu sahaja sedangkan bapa hanya berperanan sebagai penyara hidup. Keadaan ini tidak wajar berlaku kerana anak-anak memerlukan bimbingan kedua-dua ibu dan bapa untuk melengkapi perkembangan diri mereka. Keadaan-keadaan ini semua menyebabkan lahirnya remaja yang tidak tahu sembahyang, berkelakuan tidak senonoh dan terlibat dengan berbagai kegiatan salah laku sebagaimana yang telah dikemukakan dalam bab kedua. Tambahan

pula wujud suasana yang membenarkan perkara-perkara tersebut tumbuh subur dalam masyarakat hari ini.

Selain daripada aspek-aspek yang yang telah mengugat pembentukan peribadi anak-anak yang dikemukakan di atas, tempat kediaman juga memberi kesan kepada proses pendidikan anak-anak. Tempat kediaman yang sempit, padat dan tidak selesa boleh mendorong berlakunya perbuatan-perbuatan yang tidak baik di kalangan remaja. Suasana rumah flat dan setinggan yang sempit dan padat yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur menimbulkan rasa bosan dan tidak tenteram kepada anak-anak. Ini menyebabkan mereka lebih suka merayau bersama rakan sebaya tanpa sebarang tujuan dan akhirnya terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Ini dibuktikan oleh kajian yang dibuat oleh Siti Norlina Mohamad ¹¹. Oleh itu pihak berwajib mestilah bertanggungjawab dalam menangani masalah ini dengan memastikan mereka yang bertanggungjawab dengan pembinaan perumahan supaya menambahkan keluasan setiap unit flat dan unit perumahan lain tanpa mementingkan keuntungan semata-mata. Di samping itu juga pihak tertentu wajar menyediakan padang rekreasi dan tempat berinteraksi dan bersosial di setiap kawasan perumahan.

Di samping aspek pendidikan yang dikemukakan di atas, Islam amat menitikberatkan soal pemakanan kerana ia akan membentuk daging-daging yang akan membesarkan jasmani manusia. Ibumanya seharusnya mengambilberat dan meneliti terlebih dahulu jenis pemakanan anak mereka agar jasmani mereka tidak membesar hasil daripada pemakanan yang haram atau daripada sumber yang

haram yang akan memberi kesan kepada pembentukan peribadi manusia. Apa yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan separuh daripada masyarakat hari ini tidak mengambil berat dalam soal syubhah dan sejumlah masyarakat yang tidak mengambil kisah dalam menyediakan makanan untuk keluarga mereka samada halal atau haram atau syubhah. Keadaan sebegini menggalakkan lagi lahirnya generasi yang bermasalah dari segi akhlak dan personalitinya.

Masalah penjagaan anak-anak merupakan suatu fenomena bagi isteri yang bekerja. Hampir separuh daripada ibubapa memilih Taman Asuhan Kanak-kanak (nursery) sebagai tempat tinggal sementara semasa mereka menjalankan tugas. Oleh itu wajarlah bagi pihak berkuasa mewajibkan setiap sektor awam atau swasta mengadakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing. Langkah ini akan lebih merapatkan hubungan antara ibu dan anak kerana mereka dapat bertemu pada waktu rehat tanpa ditinggalkan seharian kepada pengasuh-pengasuh. Ia juga dapat mengelakkan berlaku perkara buruk terhadap anak-anak mereka seperti penggunaan ubat tidur dan sebagainya. Orang gaji juga merupakan pilihan bagi membantu tugas ibu yang bekerja. Bijak dalam memilih orang gaji adalah penting bagi mengelakkan berlaku perkara buruk. Isteri atau ibu yang bekerja hendaklah bijak membahagikan tugasnya di dalam dan di luar rumah dengan meletakkan tugas terhadap rumahtangga itu sebagai tugas yang paling penting. Kajian Siti Mashitoh binti Mahamood mengenai pendidikan anak-anak ditinjau dari sudut keberkesanannya di kalangan pendidik wanita merumuskan bahawa kesibukan para pendidik menyebabkan terabainya pendidikan anak-anak¹². Kes yang sama juga tidak ketinggalan berlaku ke atas ibu-ibu yang bekerja

di sektor lain. Ibu yang bekerja juga sudah semestinya mengambil susu formula sebagai alternatif kepada susu ibu semasa anak-anak mereka ditinggalkan. Perkara ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak kerana khasiat semulajadi yang terdapat dalam susu ibu tidak terdapat di dalam susu formula.

Penghayatan terhadap objektif keempat perkahwinan Islam selari dengan kefahaman masyarakat terhadap matlamat tersebut. Dapatkan yang diperolehi menunjukkan hampir kesemua responden yang memberi jawapan, mengakui bahawa ikatan perkahwinan yang dibina itu berjaya memperluaskan hubungan kekeluargaan dan merasakan keluarga sebelah pasangan mereka sebagai keluarga sendiri. Namun begitu itu, kedapatan juga mereka yang tidak dapat merealisasikan hakikat ini dan pernah berlaku pergaduhan dengan keluarga sebelah pasangan mereka. Keadaan ini akan lebih serius sekiranya melibatkan menantu dengan mentua atau ipar-duai yang akan memberi kesan kepada keharmonian masyarakat. Mengikut tanggapan penulis, suasana begini adalah berpunca daripada masalah dalam keluarga itu sendiri yang lebih melibatkan perasaan kedua-dua belah pihak.

Dalam pada itu, struktur keluarga yang wujud masa kini terutama di bandar Kuala Lumpur ini lebih berbentuk keluarga asas atau keluarga nuklear yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Bentuk keluarga luas yang isi rumahnya dianggotai suami, isteri, anak-anak, datuk, nenek, mentua, abang, kakak dan ahli keluarga lain seperti di masa lampau sudah berkurangan. Antara rumusan

daripada Seminar Keluarga Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1994, menekankan kepentingan mempertahankan sistem keluarga luas. Sungguhpun bentuk keluarga asas di anggap ideal oleh masyarakat moden yang mementingkan keindividuan, *privacy* dan sibuk mengejar kebendaan, namun sistem ini tidak akan menjamin keharmonian rumah tangga. Pada masa lalu, hubungan keluarga luas di anggap penting dan kajian menunjukkan jalinan erat antara ahli keluarga dapat memberi sokongan padu dan mampu mengangani masalah bersama¹³.

Dengan perubahan tersebut banyak fungsi tradisi sistem keluarga luas telah berpindah kepada pihak kerajaan dan institusi-institusi di luar daripada sistem keluarga. Apabila saiz keluarga menjadi kecil, corak komunikasi dan interaksi turut berubah menjadi mengecil. Perhubungan akan tertumpu di antara suami-isteri, ibubapa dan anak-anak serta adik beradik. Peranan suami-isteri juga turut berubah, perkongsian tugas di antara keduanya diperlukan untuk melicinkan kehidupan berumahtangga. Walaupun keluarga luas ini amat sukar untuk diwujudkan di dalam sebuah rumah, ianya boleh direalisasikan dengan membina atau membeli rumah di satu kawasan yang berdekatan. Namun begitu memandangkan sebahagian besar penduduk bandar Kuala Lumpur ini terdiri daripada migran dan tekanan-tekanan hidup di bandaraya utama yang melibatkan masalah penempatan, sara hidup dan sebagainya, maka agak sukar untuk merealisasikan struktur keluarga luas ini.

Perselisihan di antara suami isteri merupakan asam garam di dalam kehidupan berumahtangga. Namun begitu sekiranya pergaduhan ini sering berlaku

di antara pasangan ia menggambarkan suatu keadaan yang lain, iaitu menunjukkan persefahaman tidak wujud dalam kehidupan berumahtangga. Malah ia juga seringkali menyebabkan berlakunya perceraian antara pasangan suami isteri. Dapatan yang diperolehi melalui kajian ini menunjukkan terdapat pasangan yang mengakui sering berlaku pergaduhan dengan pasangan mereka. Keadaan ini sekali lagi menggambarkan kepada kita terdapat di dalam masyarakat hari ini, keluarga yang tidak dapat mengecapi nikmat perkahwinan akibat daripada pergaduhan yang sering berlaku di antara pasangan. Kegagalan menghayati sebahagian atau kesemua matlamat perkahwinan yang dikemukakan di atas kerana tiada kefahaman atau cuai akan membentuk keluarga yang bermasalah dan sering berlaku pergaduhan. Pergaduhan yang sering berlaku ini juga akan mempengaruhi jiwa anak-anak. Kajian Idris Awang¹⁴ mengenai seks bebas mendapati pertengkaran yang selalu berlaku di antara ibubapa merupakan di antara sebab remaja suka melepak dan terlibat dengan gejala tersebut.

Perkara-perkara yang dikemukakan ulama' sebagai pemusnah kepada sistem kekeluargaan Islam berleluasa berlaku dalam masyarakat hari ini. Ini ternyata apabila gejala zina dan perkara-perkara yang mendorong ke arahnya telah disedari dan diakui oleh hampir keseluruhan responden. Masyarakat telah menyedari bahawa ianya bukan berpunca daripada sikap individu sahaja tetapi faktor persekitaran dan perundangan lebih mengawatkan lagi keadaan. Sebab itulah cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk mengatasi masalah di atas melibatkan dua pihak iaitu individu yang bertanggungjawab terhadap keluarga

dan pihak yang berkuasa memperuntukkan undang-undang tertentu bagi membendung gejala maksiat yang berlaku. Tanpa gabungan daripada kedua-dua pihak ini permasalahan tersebut tidak akan dapat di atasi.

FAKTOR-FAKTOR TERTENTU YANG MEMPENGARUHI KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN MASYARAKAT TERHADAP OBJEKTIF PERKAHWINAN ISLAM

Perbincangan yang seterusnya akan melibatkan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan-keputusan yang dikemukakan di atas. Di antara faktor yang dijangkakan terlibat ialah jantina, taraf pendidikan dan aliran pendidikan.

Daripada dapatan yang diperolehi menunjukkan jantina mempunyai pertalian yang rapat dan mempengaruhi kefahaman dan penghayatan terhadap sebahagian daripada objektif perkahwinan Islam. Untuk mendapat penjelasan yang lebih detail perlu dilihat satu persatu.

Daripada jadual 21, peratus yang diperolehi menunjukkan kaum lelaki mempunyai kefahaman yang lebih terhadap matlamat pertama dan ketiga sebaliknya, kaum perempuan lebih memahami matlamat kedua. Ini menunjukkan kaum lelaki lebih matang dan bersedia dalam soal membina keluarga. Sikap sebahagian wanita yang lebih bersifat menyerah dan menentukan kepada takdir dalam soal perkahwinan ini menyebabkan mereka tidak cuba menyedari dan memikirkan dengan lebih mendalam soal perkahwinan. Perkara ini akan lebih jelas apabila kita melihat kepada aspek perancangan bagi melahirkan zuriat yang baik dan dimana kaum lelaki lebih teliti dalam membuat perancangan ke arah itu. Sikap sebahagian wanita yang bimbang dirinya tidak "laku" akan menerima sesiapa sahaja yang melamarnya tanpa meneliti siapakah lelaki itu. Di tambah

pula dengan sikap ibubapa yang tidak mengambil berat soal keagamaan, tidak akan membuat pertimbangan yang wajar dalam menentukan jodoh anaknya. Berlainan dengan sikap lelaki yang lebih mempunyai kuasa memilih dan meneliti bakal pasangan mereka, akan membuat perhitungan dan perancangan yang rapi terutama bagi mereka yang menghayati nilai-nilai keagamaan.

Berlainan pula dalam masalah penyempurnaan nafsu. Walaupun kaum perempuan di dapati lebih memahami matlamat kedua iaitu untuk menyempurnakan tuntutan nafsu semulajadi manusia, namun jantina tidak mempengaruhi pengawalan nafsu selepas berkahwin. Ini menunjukkan kaum lelaki dan perempuan mempunyai persamaan dalam mencapai matlamat pengawalan nafsu melalui perkahwinan. Begitu juga dalam mencapai kepuasan seks. Ini bermakna individu yang tidak dapat mengawal nafsu dan tidak tercapai kepuasan seks melalui perkahwinan itu adalah disebabkan masalah peribadi masing-masing tanpa dikaitkan dengan jantina. Berlainan pula dalam masalah ransangan seks dan peningkatan ketaqwaan. Dapatan yang diperolehi menunjukkan kaum lelaki lebih mudah teransang nafsu mereka apabila melihat perkara-perkara yang menghairahkan berbanding dengan kaum perempuan. Ini menunjukkan kaum wanita lebih mempunyai daya tarikan kepada lelaki sama ada melalui cara berpakaian, persolekan, bentuk badan dan gaya pergerakan berbanding dengan tarikan kaum lelaki kepada wanita. Hal ini ternyata kebenarannya kerana wanita merupakan salah satu punca kemusnahan. Keadaan inilah dijangkakan di antara sebab berlakunya peningkatan ketaqwaan di kalangan kaum lelaki adalah melebihi kaum perempuan setelah berkahwin kerana

keinginan-keinginan untuk melakukan maksiat terubat dan akan lebih menenangkan fikirannya dalam melakukan ibadat kepada Allah.

Walaupun jantina mempengaruhi kefahaman responden terhadap matlamat ketiga, namun dari segi penghayatannya tidak terdapat perbezaan di antara kaum lelaki dan perempuan di mana mereka mempunyai persamaan dalam merasai bahawa pasangan mereka merupakan orang yang sangat diperlukan dalam hidup dan bertekad untuk hidup selama-lamanya dengan pasangan masing-masing. Namun begitu kaum lelaki mendahului kaum wanita dalam soal mencapai ketenangan dan ketenteraman melalui perkahwinan. Keputusan ini seolah-olah menyokong keputusan di atas dan yang terdahulu di mana menyempurnakan tuntutan nafsu itu merupakan salah satu cara bagi mencapai ketenangan dalam hidup. Ini berdasarkan keputusan yang menunjukkan ransangan nafsu seks kaum lelaki melebihi kaum perempuan, penulis menganggarkan ketenangan dan ketenteraman yang dicapai itu adalah lebih menjurus ke arah itu.

Dalam aspek kefahaman terhadap hakikat tanggungjawab terhadap keluarga, dapatan yang diperolehi menunjukkan jantina mempengaruhi kefahaman bahawa tanggungjawab anggota keluarga sebagai suatu amanah daripada Allah. Peratusan yang diperolehi menunjukkan kaum lelaki lebih memahami hakikat tanggungjawab berbanding dengan kaum perempuan. Namun begitu kefahaman ini tidak membezakan mereka dalam soal mengetahui tanggungjawab masing-masing. Perbezaan dari segi kefahaman terhadap matlamat

pertama dan perancangan bagi melahirkan zuriat yang baik dan beriman adalah dijangkakan mempengaruhi kefahaman terhadap hakikat tanggungjawab ini.

Faktor kedua yang mempengaruhi kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap objektif perkahwinan Islam ialah taraf pendidikan. Dapatkan yang diperolehi menunjukkan taraf pendidikan mempengaruhi kefahaman sebahagian matlamat perkahwinan iaitu matlamat ketiga sahaja. Peratus yang diperolehi menjelaskan mereka yang daripada taraf pendidikan IPT lebih memahami matlamat ketiga berbanding dengan yang lain. Namun begitu apabila melihat kepada penghayatan terhadap matlamat tersebut peratus yang diperolehi menunjukkan mereka yang daripada taraf pendidikan Sekolah Rendah lebih berjaya menghayati perasaan tersebut dengan merasai bahawa pasangannya merupakan orang yang sangat diperlukan dalam hidup dan tercapai ketenangan dan ketenteraman melalui pekahwinan. Penulis menganggarkan faktor umur mempengaruhi keputusan ini. Ini adalah kerana mereka yang berpendidikan setakat sekolah Rendah besar kemungkinan adalah terdiri daripada mereka yang berumur 46 tahun ke atas, memandangkan jarang sekali kedapatan di dalam masyarakat hari ini khususnya masyarakat bandar, mereka yang umurnya lebih muda daripada itu hanya berpendidikan setakat Sekolah Rendah sahaja. Kematangan hidup berumahtangga dan ilmu yang diperolehi secara tidak rasmi menyebabkan mereka lebih memahami dan menghayati hakikat tersebut. Ini menunjukkan mereka yang lebih tinggi taraf pendidikan bukan bermakna ia lebih memahami dan menghayatai matlamat perkahwinan tersebut.

Taraf pendidikan juga mempengaruhi kefahaman terhadap hakikat tanggungjawab terhadap keluarga sebagai suatu amanah di mana peratus yang diperolehi menunjukkan mereka yang daripada taraf pendidikan yang lebih tinggi lebih memahami hakikat tersebut. Namun begitu perkara sebaliknya berlaku dalam soal mengetahui bentuk-bentuk tanggungjawab yang diwajibkan. Dapatkan yang diperolehi menunjukkan taraf pendidikan tidak mempengaruhi pengetahuan terhadap tanggungjawab yang diwajibkan ke atas setiap anggota keluarga. Dengan itu analisis ini memberi kesimpulan kepada kita bahawa taraf pendidikan khususnya yang lebih tinggi bukan merupakan jaminan dan penentu ke arah kebahagiaan dan kecemerlangan sesebuah keluarga.

Faktor seterusnya yang mempengaruhi kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap matlamat perkahwinan ialah aliran pendidikan. Aliran pendidikan di sini adalah bertujuan untuk mengenalpasti adakah mereka yang berpendidikan agama lebih memahami dan menghayati matlamat perkahwinan.

Dapatkan yang diperolehi melalui jadual 30 menunjukkan aliran pendidikan mempengaruhi kefahaman terhadap kesemua matlamat perkahwinan yang dikemukakan kecuali matlamat keempat.

Kefahaman mereka terhadap matlamat pertama ini, menyebabkan aliran pendidikan ini mempengaruhi perancangan ke arah melahirkan zuriat yang baik dan beriman di mana peratus yang diperolehi menunjukkan mereka yang daripada aliran agama lebih merancang ke arah tersebut.

Dalam soal mengawal nafsu dapatan analisis ini menunjukkan aliran pendidikan mempunyai perhubungan yang terlalu sedikit dan di anggap tidak mempengaruhi seseorang dalam mengawal nafsu melalui perkahwinan. Ini menunjukkan perkahwinan merupakan jalan tunggal bagi mengawal nafsu seks daripada melakukan maksiat. Berbekalkan ilmu yang dimiliki dan kesedaran terhadap kewajipan masing-masing, maka kesemua mereka yang daripada aliran agama yang telah memberi jawapan mengakui tercapai kepuasan seks bersama pasangan masing-masing berbanding dengan mereka yang daripada aliran umum. Begitu juga dalam soal peningkatan ketaqwaan kepada Allah. Keadaan ini menunjukkan bahawa persoalan nafsu merupakan perkara yang perlu diambil berat dan ransangan nafsu tidak boleh dikawal dengan mudah pada masa ini akibat berleluasanya unsur-unsur yang membangkitkan nafsu. Ianya hanya boleh di kawal melalui perkahwinan dan menghapuskan segala bentuk yang boleh menaikkan nafsu seks.

Melihat kepada penghayatan terhadap objektif ketiga, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa kesemua responden daripada aliran agama yang memberi jawapan mengakui dapat menghayati matlamat tersebut. Ini menunjukkan pengetahuan agama yang dimiliki oleh individu menyebabkan mereka lebih sedar dan lebih berperanan dalam mewujudkan ikatan kasih sayang di antara pasangan suami dan isteri sehingga terhasilnya suatu ketenangan dan berazam untuk hidup bersama-sama pasangan masing-masing hingga ke akhir hayat. Kefahaman terhadap matlamat tersebut melalui pendidikan agama menjamin mereka menghayatinya selagi sikap mereka berpandukan ilmu agama

yang dimilikinya. Oleh itu mereka yang telah mempunyai kefahaman terhadap matlamat perkahwinan ini perlu sedar dan mengubah sikap masing-masing ke arah menghayati semula langkah-langkah ke arah mewujud dan mengukuhkan ikatan kasih sayang di dalam keluarga kerana matlamat perkahwinan ini lebih mudah dihayati oleh mereka yang telah memahaminya berbanding dengan mereka yang tiada kefahaman.

Dapatan analisis yang seterusnya menunjukkan aliran pendidikan mempengaruhi kefahaman terhadap hakikat tanggungjawab dan pengetahuan terhadap tanggungjawab yang diwajibkan ke atas mereka. Peratus yang diperolehi menunjukkan mereka yang daripada aliran agama lebih mengetahui dan merasai bahawa tanggungjawab terhadap keluarga sebagai suatu amanah berbanding dengan mereka yang daripada aliran umum. Begitu juga dengan pengetahuan terhadap tanggungjawab anggota keluarga.

Keputusan-keputusan di atas memberi gambaran yang jelas bahawa pengetahuan agama yang dimiliki seseorang mampu memandu mereka dalam menjalani kehidupan berkeluarga selagi agama berada di tempat yang teratas sebagai panduan di dalam kehidupan mereka. Suatu yang tidak boleh disangkal lagi ialah terdapat peratusan daripada aliran agama yang menafikan hakikat di atas merupakan di antara golongan yang membelakangi pengetahuan agama yang dimilikinya dalam menjalani kehidupan berkeluarga dan di anggap cuai dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Golongan ini sememangnya berleluasa pada hari ini. Oleh kerana kehidupan berkeluarga ini merupakan satu

juzuk daripada Islam dan saling berkaitan di antara satu sama lain, maka untuk menghayatinya tidak dapat tidak mesti memahami dan menghayati tuntutan-tuntutan Islam. Bagaimana seorang suami atau bapa boleh menyempurnakan tanggungjawab keagamaan di dalam keluarga masing-masing sedangkan mereka sendiri tidak memahami dan mengetahui serta tidak melaksanakan perkara tersebut.

Ditinjau dari sudut yang lain pula, kajian ini membuktikan bahawa faktor persekitaran dan situasi semasa telah memberi kesan yang besar di dalam kehidupan masyarakat hari ini terutamanya masyarakat bandar yang hidup dalam suasana pembangunan yang pesat. Keadaan ini dapat dikesan apabila ianya mempengaruhi kegagalan masyarakat dalam menghayati sebahagian matlamat perkahwinan yang dikemukakan sebagaimana penjelasan di atas.. Faktor persekitaran dan situasi semasa ini telah banyak merubah pemikiran dan sikap sebahagian masyarakat terhadap kehidupan berkeluarga sehingga nilai-nilai keagamaan bukan menjadi asas dan agenda utama dalam pembentukan sesebuah institusi keluarga bermula, daripada soal pemilihan pasangan sehingga ke peringkat perlaksanaan tanggungjawab masing-masing. Keadaan ini telah menular kepada sebahagian masyarakat tanpa mengira jantina, usia, taraf pendidikan sehingga pendidikan agama seseorang pun tidak mampu menjadi petunjuk dalam membina keluarga bagi sesetengah daripada mereka.

Menurut tokoh ulama', Haji Ahmad Awang; "pembangunan yang berdasarkan kebendaan akan membawa masyarakat kepada kehidupan yang

menjurus kepada keseronokan, hiburan dan kepuasan jasmani semata-mata^{15“}

Kajian Mursidi Bin Ahamad¹⁶ mengenai pengaruh sekularisme pula menjelaskan

”dasar sekularisma yang memisahkan nilai-nilai agama daripada kehidupan

manusia mempengaruhi kehidupan masyarakat dalam setiap aspek kehidupan mereka terutamanya masyarakat bandar. Fahaman ini akan berterusan membelenggu umat Islam samada di dalam pemikiran mereka maupun amalan di dalam kehidupan seharian selagi kejahilan membelenggu umat Islam, keengganan menuntut ilmu dan suasana yang membenarkan suburnya fahaman sekular masih wujud. Kehidupan masyarakat Islam yang jauh daripada agama mendekatkan mereka kepada hawa nafsu dan kepentingan dunia. Di antaranya ialah kehidupan yang mengutamakan material atau kebendaan.“ Penulis bebas Ann Wan Seng

juga memberi pendapat, apabila pembangunan fizikal tidak diseimbangkan dengan pembangunan rohani maka akan berlakulah pelbagai kerosakan dan akibah-akibah buruk yang membuktikan betapa sistem kemasyarakatan dan kekeluargaan sedang mengalami keruntuhan¹⁷.“ Begitu juga dengan pandangan

Ketua Pengarah LPPKN yang mengatakan bahawa ”kemajuan masyarakat,

pemodenan dan perindustrian telah mempengaruhi cara hidup berkeluarga seperti sikap, nilai, amalan, komunikasi, cara pergaulan dan lain-lain lagi^{18“}.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah memberi gambaran kasar bahawa kefahaman dan penghayatan terhadap objektif perkahwinan Islam tidak dapat dicapai sepenuhnya oleh masyarakat Islam hari ini. Dengan itu untuk mencernakan sebuah kehidupan berkeluarga yang dinamik berdasarkan aqidah yang sahih ke arah melahirkan masyarakat dan jenerasi beriman merupakan suatu cita-cita yang sukar dicapai selama mana individu yang merupakan aset penting ke arah pembentukan keluarga tidak cuba memahami dan menghayati konsep perkahwinan yang sebenar. Peranan serius daripada pihak berwajib menyemaikan hakikat tersebut dalam diri individu dan menghapuskan sebarang bentuk pemusnah kepada Perkahwinan Islam, perlu diketengahkan dengan lebih berani oleh semua pihak.

Dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat ke arah memahami dan menghayati konsep perkahwinan dan kekeluargaan, satu usaha positif yang amat dibanggakan telah dianjurkan oleh pihak JAWI dan perlaksanaannya telah diswastakan kepada syarikat-syarikat konsultan, iaitu mengadakan Kursus Pra Perkahwinan. Kursus yang berdasarkan kepada modul-modul tertentu ini telah banyak memberi kesedaran dan kefahaman kepada bakal pengantin dan juga kepada mereka yang telah mendirikan rumah tangga sekaligus telah memberi saham yang cukup besar dalam usaha mengurangkan permasalahan rumah tangga dan melahirkan masyarakat yang berilmudan berakhlak. (Untuk maklumat lanjut sila lihat lampiran 1V)

KESIMPULAN

Di antara kesimpulan yang diperolehi daripada kajian ini ialah

- 1- Institusi keluarga hari ini gagal memainkan peranannya sebagai medan bagi melahirkan individu yang berkualiti, inovatif, mantap personaliti dan sempurna aqidahnya sebagai asas kepada pembentukan sebuah masyarakat dan negara yang baik dan direhui Allah.
- 2- Masalah ketidakfahaman dan tiada penghayatan masyarakat terhadap matlamat perkahwinan terutamanya matlamat asal pensyariatannya merupakan masalah utama yang melanda sebahagian umat Islam hari ini. Kejahilan terhadap matlamat pertama ini memberi kesan negatif di dalam usaha melahir dan mengekalkan keturunan yang beriman yang akan memakmurkan dunia ini berlandaskan syari'at Allah.
- 3- Keturunan yang baik dan beriman tidak berjaya diwujudkan dalam masyarakat pada hari ini selagi aspek-aspek berikut tidak dihayati oleh umat Islam iaitu,
 - 1- Pemilihan pasangan berlandaskan panduan yang digariskan Syara'
 - 2- Kesempurnaan semua syarat-syarat dan rukun-rukun dalam akad perkahwinan
 - 3- Menikmati kebahagiaan rumah tangga
 - 4- Pembentukan rohani dan jasmani yang sempurna

5- Pendidikan yang bersepadau

4- Nafsu seks hanya boleh disempurnakan melalui perkahwinan dan menutup segala pintu-pintu yang boleh meransangannya. Oleh itu ia bukan hanya menjadi hak individu sahaja untuk mengawalnya malah menjadi tanggungjawab pihak berwajib memperuntukkan undang-undang tertentu bagi membendung gejala-gejala maksiat yang boleh membangkitkan nafsu manusia. Ini adalah kerana kemusnahan akibat daripada nafsu seks ini amat besar dan kesannya amat mendalam kepada kestabilan sesebuah institusi keluarga, masyarakat juga negara.

5- Kewujudan sejumlah pasangan yang tidak dapat menghayati perasaan kasih sayang, kemesraan, ketenangan dan saling berkeperluan di antara suami dan isteri dan pasangan yang sering bergaduh di antara satu sama lain serta bermusuhan dengan ahli keluarga sendiri atau keluarga sebelah pasangan membuktikan keadaan hubungan kekeluargaan yang longgar tanpa ada suatu bentuk interaksi yang baik. Dengan itu terlerainya ikatan yang padu yang dijalankan di antara dua insan yang memungkinkan berlakunya berbagai perkara buruk terhadap individu tertentu. Secara lansung akan meninggalkan kesan sampingan yang negatif kepada anak-anak dan kerukunan sesebuah rumah tangga. Selain daripada tiada kefahaman dan penghayatan individu terhadap perkara tersebut desakan hidup yang berasaskan persaingan kebendaan sering menyebabkan tercetusnya gejala-gejala yang membawa kepada krisis rumah tangga yang meruntuhkan kepaduan ikatan kekeluargaan tersebut.

Kehidupan moden pula turut memberi kesan kepada kelunturan nilai kasih sayang dan hormat menghormati di antara anggota keluarga dan masyarakat. Ia membuka jalan kepada pengabaian kasih sayang dan kerengganan hubungan antara generasi muda dengan generasi tua, anak dengan ibubapa, suami isteri dan sebagainya.

6- Setiap matlamat perkahwinan ini mempunyai perkaitan di antara satu sama lain, sekiranya salah satu daripadanya tidak dihayati ia sudah pasti akan menggugat kesejahteraan sesebuah rumah tangga. Begitu juga institusi keluarga tidak akan teguh dan berjaya selagi anasir-anasir yang merosakkannya tetap bermaharajalela di dalam masyarakat.

7- Sistem pengurusan dan tanggungjawab merupakan perkara yang paling nyata sekali diabaikan oleh masyarakat hari ini terutamanya yang melibatkan soal keagamaan sama ada tanggungjawab itu melibatkan suami dan isteri ataupun ibubapa dan anak. Kecuaian menjalankan tanggungjawab keagamaan ini menyebabkan kehidupan masyarakat sama ada golongan tua, remaja dan kanak-kanak terpesong daripada landasan yang sebenar.

8- Kegagalan masyarakat menghayati matlamat perkahwinan ini bukan hanya semata-mata kerana tidak memahami matlamat tersebut tetapi sikap individu sama ada cuai, tidak bertanggungjawab dan sebagainya serta faktor persekitaran dan situasi semasa yang merubah corak pemikiran dan melahirkan persekitaran yang tidak sihat turut mengawatkan lagi keadaan tersebut. Sebaliknya kefahaman semata-mata bukan jaminan sepenuhnya ke arah

menghayati matlamat perkahwinan selama mana individu-individu tersebut tidak mempunyai daya ketahanan dalam mengharungi situasi di atas. Walaupun tidak semua keluarga terlibat dengan permasalahan di atas namun kewujudan keluarga yang demikian di dalam masyarakat sudah cukup untuk mengubah keadaan dan membentuk masyarakat yang kucar-kacir. Sepatutnya di saat institusi keluarga terutamanya ibubapa gagal memainkan peranannya, ahli masyarakat lain seperti pemimpin, jiran serta saudara-mara wajar turut membantu bukannya menyemarakkan lagi keadaan.

9- Jantina merupakan di antara salah satu faktor yang mempengaruhi sebahagian daripada matlamat perkahwinan. Kajian ini menunjukkan kaum lelaki lebih memahami matlamat pertama, ketiga dan lebih memahami tanggungjawab terhadap keluarga sebagai suatu amanah berbanding dengan kaum wanita. Kefahaman ini juga mempengaruhi mereka untuk lebih membuat perancangan ke arah melahirkan zuriat yang baik dan beriman berbanding dengan kaum wanita dan juga lebih meningkatkan ketakwaan selepas berkahwin. Dengan itu jantina sama ada lelaki atau perempuan boleh dijadikan kayu pengukur dalam beberapa aspek di atas dalam usaha membina semula kesedaran ke arah menghayati matlamat perkahwinan Islam.

10- Kecemerlangan dalam bidang akademik semata-mata bukan jaminan kepada kejayaan sesebuah keluarga selagi kesedaran ke arah memahami dan menghayati matlamat perkahwinan tidak wujud dalam diri individu tersebut

dan tidak berusaha mengubah sikap dan pemikiran masing-masing berasaskan panduan Ilahi.

11- Pendidikan atau pengetahuan agama serta penghayatan terhadap ajaran Islam merupakan faktor yang dikenalpasti oleh kajian ini sebagai pemangkin ke arah memahami dan menghayati matlamat perkahwinan. Ini terbukti apabila aliran agama mempengaruhi kefahaman dan penghayatan kepada hampir kesemua matlamat perkahwinan. Dengan itu ketiadaan kefahaman dan pengetahuan serta penghayatan terhadap tuntutan agama ini merupakan punca utama kepada masalah kefahaman dan penghayatan terhadap matlamat perkahwinan. Oleh itu selagi aspek-aspek keagamaan ini dimiliki dan dihayati dengan sebenarnya dalam menjalani kehidupan berumahtangga maka selama itulah institusi kekeluargaan yang dibina itu tetap utuh. Tetapi sekiranya ia dikesampingkan dan tidak dijadikan landasan dalam membina keluarga maka matlamat perkahwinan yang sebenarnya tidak akan tercapai.

12- Sebagai usaha membangunkan semula institusi keluarga yang kian runtuh usaha memaham dan menyedarkan masyarakat ke arah menghayati matlamat perkahwinan hendaklah menjadi agenda utama. Ia hendaklah bertunjangkan kesedaran ke arah menghayati tuntutan Islam yang sepenuhnya dan menanamkan unsur-unsur keimanan di dalam jiwa setiap individu bagi membentuk jiwa tauhid agar manusia sentiasa merasakan diri mereka diawasi oleh kuasa Yang Maha Besar.

13- Dengan itu ia perlu kepada gabungan semua pihak sama ada individu, sektor kerajaan dan swasta juga mereka yang terlibat secara lansung dengan kepimpinan masyarakat bagi mengubah corak dan dasar kehidupan berlandaskan panduan yang hakiki kerana kemusnahan institusi kekeluargaan ini bukan kerana individu semata-mata tetapi faktor-faktor persekitaran dan semasa tidak kurang pentingnya dalam memberi saham ke arah keruntuhan tersebut. Tanpa gabungan ini kedudukan institusi keluarga sebagai medan bagi mencernakan sebuah masyarakat yang bertamaddun dalam ertikata yang sebenarnya tidak akan tercapai.

14- Peningkatan masalah masyarakat seperti krisis rumahtangga dan keruntuhan akhlak serta nilai moral di Kuala Lumpur menunjukkan pembangunan yang pesat di ibu kota tidak mampu memberi sumbangsan kepada pembangunan jiwa dan rohani serta mental masyarakat apatah lagi untuk melihat warga kota mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

15- Sekiranya umat Islam hari ini masih tidak menyedari kepincangan yang berlaku dan meneruskan corak kehidupan sebagaimana yang ada hari ini tanpa ada sebarang usaha bagi menanam kesedaran ke arah memahami dan menghayati matlamat dan konsep perkahwinan yang sebenarnya bererti kita mengundang suatu kemusnahan di dalam jenerasi umat Islam. Umat Islam yang sebenarnya akan hancur dan tinggal namanya sahaja.

SARANAN DAN CADANGAN

Beberapa masalah pokok telah dikenalpasti oleh kajian ini seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian ulasan dan kesimpulan. Oleh itu permasalahan-permasalahan tersebut perlu diberi perhatian serius supaya sistem perkahwinan Islam dapat berfungsi dengan baik dan berkesan dalam melahirkan generasi yang benar-benar berkualiti sebagai pelapis negara. Untuk tujuan tersebut, penulis akan mengukuhkan lagi kajian ini dengan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan, antaranya:

1- Pihak kerajaan disarankan memberi penekanan yang lebih besar kepada program pendidikan Islam melalui institusi agama seperti JAKIM, IKIM, YADIM dan sebagainya dengan mempergiatkan lagi usaha memberi penerangan tentang kewajipan mengamalkan ajaran Islam dan kepentingan institusi keluarga dalam membangunkan insan juga negara. Melalui pendidikan Islam yang mencukupi, umat Islam dapat memahami dengan sepenuhnya maksud tujuan perkahwinan Islam. Maklumat dan pengetahuan tersebut amat penting untuk membentuk masyarakat yang celik Islam dalam ertikata yang sebenarnya sehingga dapat mendorong mereka untuk beriltizam dengan sistem perkahwinan Islam sebaik mungkin.

2- Majlis Agama Islam negeri-negeri selaku badan yang bertanggungjawab secara lansung dengan urusan kekeluargaan juga badan-badan yang lain seperti LPPKN, AKRAB dan sebagainya perlu melipatgandakan usaha

menyebarluaskan pendidikan Islam dalam sistem perkahwinan dengan menggunakan berbagai pendekatan yang sesuai dengan perkembangan sains dan komputer. Di antara usaha-usaha tersebut ialah:

- a- Memperbanyakkan kursus-kursus perkahwinan kepada bakal pengantin dan kursus motivasi kepada pasangan suami isteri dengan memberi kefahaman kepada mereka tentang matlamat perkahwinan dan memberi penekanan ke arah kewajipan menghayatinya serta menyedarkan mereka tentang pentingnya peranan institusi kelurga dalam membangunkan ummah.
- b- Mengadakan program yang bertemakan kekeluargaan secara terbuka di satu-satu kawasan seperti di taman-taman perumahan dan sebagainya yang mana pesertanya terdiri daripada penduduk setempat dari berbagai kategori agar dakwah mengenai kekeluargaan ini sampai kepada semua lapisan masyarakat.
- c- Menerangkan peranan dan teknik-teknik keibubapaan (parenting techniques) yang lebih praktikal untuk menangani masalah anak-anak zaman sekarang kerana perubahan zaman memerlukan kaedah pendidikan yang berbeza bagi menangani dan menyelesaikan masalah mereka.
- d. Pihak jabatan agama hendaklah mempastikan kewajipan-kewajipan agama khususnya yang melibatkan fardu 'ain diketahui oleh bakal pengantin dan

mempastikan tanggungjawab keagamaan terhadap isteri atau suami dan anak-anak diketahui oleh mereka.

e- Mengadakan kursus susulan terutama kepada mereka yang dikenalpasti bermasalah dalam perkara di atas melalui ujian temuduga yang dijalankan. Cara ini akan membuatkannya lebih berhati-hati dan sentiasa bersedia, bukan hanya belajar semata-mata untuk menjalani ujian temuduga sahaja.

f- Mengadakan peruntukan undang-undang tertentu terhadap mereka yang cuai menjalankan tanggungjawab keagaamaan bukan hanya setakat kecuaian dalam memberi nafkah lahiriah dan batiniah sahaja sebagaimana yang ada hari ini.

g- Menjelaskan kepada masyarakat perkara-perkara yang boleh menjelaskan pembentukan peribadi dan merosakkan jiwa anak-anak dalam berbagai aspek yang telah dikemukakan.

3- Dengan adanya kuasa mengubah dan memperuntukkan undang-undang tertentu, pihak kerajaan disarankan agar bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses menjaga kehidupan beragama umat Islam dengan menghapuskan segala bentuk kemungkaran yang terdapat dalam masyarakat. Oleh itu langkah-langkah segera perlu diambil untuk menghapuskan pusat-pusat maksiat atau program-program yang meracuni kehidupan keluarga Islam atau yang boleh menggagalkan objektif sistem perkahwinan Islam.

4- Anggota masyarakat Islam perlu mengubah sikap dan menyedari serta memahami keunggulan sistem perkahwinan Islam dan mengambil sikap positif ke arahnya, lebih-lebih lagi apabila mereka telah saksikan sendiri berbagai-bagai gejala sosial dan masyarakat melanda keluarga sekarang kerana berkiblatkan sistem sekular. Bagi mereka yang telah memahami matlamat perkahwinan hendaklah melepaskan diri daripada belenggu keduniaan dan mengubah sikap masing-masing ke arah menghayati matlamat perkahwinan Islam. Bagi mereka yang belum faham, hendaklah memikir dan menginsafi serta mengambil pengiktiran terhadap permasalahan yang berlaku dan menyelami puncanya. Semoga dengan cara ini dapat mengubah sikap masing-masing untuk kembali memahami dan menghayatinya.

5- Media massa sama ada media cetak atau elektronik hendaklah memainkan peranan penting dengan berfungsi sebagai alat pendidikan kepada khalayak ramai dengan menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia dalam setiap program yang disiarkan. Ini penting kerana dewasa ini media massa merupakan alat perhubungan yang paling berkesan dan mempunyai pengaruh yang tidak sedikit dalam mencorakkan baik buruk sesebuah masyarakat. Dengan itu media massa hendaklah meletakkan kepentingan masyarakat pada kedudukan yang utama berbanding dengan kepentingan keuntungan. Untuk itu rencana atau program yang boleh menggugat objektif sistem perkahwinan Islam hendaklah dihindarkan sama sekali. Media cetak pula mempunyai peranan yang amat besar dalam membentuk cara berfikir masyarakat. Oleh itu penyiaran dan media cetak hendaklah digunakan bagi meningkatkan lagi komitmen masyarakat kepada

tuntutan Islam bagi melahirkan nilai-nilai positif, konstruktif dan yang membawa kepada kesejahteraan.

6- Mengemaskinikan sistem pendidikan negara berdasarkan aqidah Islamiyyah.

7- Badan-badan dakwah hendaklah mempergiatkan aktiviti dakwahnya kepada segenap lapisan masyarakat bagi menjelaskan hakikat Islam dan peranan institusi kekeluargaan yang sebenarnya.

8- Menghidupkan konsep amar makruf dan nahi munkar dalam masyarakat yang melibatkan semua lapisan masyarakat dan menghapuskan kehidupan yang bercorak individualistik kerana ini merupakan jalan ke arah mengembalikan kesedaran masyarakat ke arah kebenaran.

9- Memperuntukkan akta halal dan haram yang jelas dan ketat dalam pengeluaran dan pengimpostan bahan makanan dan minuman agar masyarakat dapat membuat perbezaan yang nyata dalam masalah tersebut.

Nota hujung

- ¹ . Wan Abdullah Ghani, Tulisan bertajuk “Siapa bertangungjawab apabila rumah tangga gagal”, *Berita Harian*, 9 Januari, 1995.
- ² . Dr. Raj Abdul Karim (1966), Tren kekeluargaan di Malaysia menjelang 2020 & permasalahannya- Satu cabaran kepada profesyen kaunseling keluarga, *kertas kerja*, LPPKN, hal 9-16
- ³ . *Majalah al-Islam*, November 1995, hal 44.
- ⁴ . Sedang menyiapkan tesis sarjana Usuluddin di bawah tajuk “ Falsafah kebahagian menurut Imam al-Ghazali. Kajian terhadap kefahaman masyarakat Islam di Kuala Lumpur”.
- ⁵ . Temubual dengan Pendaftar Nikah dan Cerai, Mahkamah Syariah, JAWI, Ustaz Sulaiman Endut pada 30hb. Mei, 1996.
- ⁶ . Temubual yang dijalankan pada 3hb. Jun, 1996.
- ⁷ . Siti Norlina binti Muhamad (1997), Perubahan nilai moral di kalangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, *Disertasi*, hal 243.
- ⁸ . *Harakah*, 27 Oktober 1997, hal 3.
- ⁹ . Idris Awang, “Kelakuan seks bebas di kalangan remaja Melayu,” *Jurnal Usuluddin*, Bil 5, Disember 1966, hal 183.
- ¹⁰ . Dr. Jariah Masud, Tulisan mengenai “Usaha membendung masalah remaja”, *Berita Harian*, 15 November 1994.
- ¹¹ . Siti Norlina binti Muhamad, *op.cit*, hal 223.
- ¹² . Siti Mashitoh binti Mahamood (1992), Pendidikan anak-anak: Suatu kajian dari sudut keberkesanannya di kalangan para pendidik wanita di Wilayah Persekutuan“ *Kertas projek*, hal 145.
- ¹³ . Rosnah Ismail, Tulisan yang bertajuk “ Mempertahankan sistem keluarga luas”, *Berita Harian*, 15 November 1994.
- ¹⁴ . Idris Awang, *op.cit*, hal 182.
- ¹⁵ . Haji Ahmad Awang, “Agenda besar menangani isu keruntuhan akhlak”, *Majalah Suara Persatuan Ulama*’, Bil: Thn. 01/45, Ogos-September 1996, hal 4.
- ¹⁶ . Mursidi bin Ahamad (1996), “ Sekularisme: Kajian tentang pengaruhnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, *Kertas projek*, hal 141.
- ¹⁷ . Ann Wan Seng, “ Masalah sosial, Bagaimana menanganinya”, *Majalah Tamadun*, Vol 6, Januari 1995, hal 13.
- ¹⁸ Dr. Raj Abdul Karim, *op.cit*, hal 2

PENUTUP

Kajian ini sedikit sebanyak telah memberi gambaran ringkas tentang kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam di Kuala Lumpur terhadap objektif sistem perkahwinan Islam. Secara langsung ia telah memberi jawapan kepada permasalahan-permasalahan dalam mencari punca sebenar berlakunya kepincangan institusi kekeluargaan dan keruntuhan akhlak yang melibatkan semua pihak terutamanya di kalangan remaja hari ini. Kesannya institusi keluarga tidak dapat berfungsi sebagai pusat pembangunan insan dan medan bagi melahirkan jenerasi pelapis yang akan memakmurkan dunia berasaskan syariat Ilahi.

Walaupun individu merupakan punca utama berlakunya permasalahan-permasalahan di atas, namun faktor persekitaran dan keadaan semasa merupakan unsur penting yang merubah sikap dan corak pemikiran individu sehingga mempengaruhi kehidupan mereka dan melupai nilai-nilai murni yang menjadi pegangan umat Islam sepanjang zaman. Oleh itu kesedaran daripada semua amat perlu dalam membina semula institusi keluarga dengan mengenalpasti punca permasalahan yang melibatkan pihak masing-masing dan memperbaikinya melalui kaedah yang lebih praktikal.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang tidak disentuh dalam kajian ini, seperti kefahaman dan penghayatan di kalangan mereka yang

berpoligami, akibat daripada kesukaran untuk mendapat kerjasama daripada mereka dan perlaksanaan tanggungjawab anak terhadap ibubapa. Semoga perkara ini akan diteruskan oleh pengkaji-pengkaji di masa akan datang.

Buat akhirnya penulis berharap kajian ini akan menjadi model kepada badan-badan tertentu sama ada kerajaan atau swasta yang bertanggungjawab membangunkan semula institusi keluarga khususnya dan kepada seluruh umat Islam umumnya agar institusi kelurga yang dibina mencapai objektifnya yang sebenar.

S E K I A N